



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 35 (28 OGOS – 3 SEPTEMBER 2022)

Pada Minggu Epidemiologi ke-35 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah 1,247 berbanding 1,373 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 126 kes (9.2%). Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-35 tahun 2022.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 37,950 kes berbanding 18,219 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 19,731 kes (108.3%). Manakala jumlah kumulatif kematian akibat komplikasi denggi yang dilaporkan meningkat sebanyak 120%, iaitu sebanyak 22 kematian dilaporkan pada tahun ini berbanding 10 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C).**

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada minggu ini berkurangan sebanyak 10 lokaliti berbanding minggu sebelumnya, dengan sejumlah 54 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 64 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Daripada 54 lokaliti hotspot yang dilaporkan, 36 lokaliti berada di Negeri Selangor serta masing-masing sembilan (9) lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dan Sabah. **(Lampiran B & D).**

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak lapan (8) kes pada minggu ke-35 dengan lima (5) kes dari Selangor, dua (2) kes dari Pulau Pinang dan satu (1) kes dari Kedah. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 599 kes **(Lampiran E)**. Bagi survelan zika, sebanyak 1,329 sampel darah dan 15 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Setiap individu dan seluruh lapisan masyarakat bertanggungjawab untuk memastikan penyakit demam denggi tidak menjadi ancaman yang boleh memudaratkan kesihatan. Sebagai langkah pencegahan, libatkan seluruh ahli keluarga dan kawasan kejiranan untuk melakukan aktiviti gotong-royong sendiri bagi memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes di persekitaran rumah. Pastikan barang lusuh serta bekas tidak terpakai seperti tayar, tong, bekas makanan, plastik pembungkus, botol dan cawan dilupuskan di tempat pembuangan sampah secara berhemah. Berus bahagian dalam dinding kolah air dan bekas penyimpanan air serta alas pasu bagi memastikan telur nyamuk Aedes tidak melekat di permukaan bekas. Ini kerana telur nyamuk Aedes mampu bertahan dalam keadaan kering selama lapan (8) bulan dan boleh menetas semula apabila terdapat air yang minima. Lindungi diri, keluarga dan komuniti kita daripada menjadi mangsa demam denggi. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
7 September 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-34 dan ke-35 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-35 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021




Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021




Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-35 tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 35/2022
(28 Ogos hingga 3 September 2022)


Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 35/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 35/2021	
		Minggu 35 (28 Ogos – 3 September 2022)		Minggu 34 (21 Ogos – 27 Ogos 2022)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	1	0	1	0	33	0	16	0
2	Kedah	35	0	21	0	787	2	373	0
3	P. Pinang	34	0	23	0	506	0	292	0
4	Perak	27	0	21	0	754	0	428	1
5	Selangor	620	0	740	0	23,522	5	10,797	2
6	WP KL & Putrajaya	130	0	154	0	3,719	5	2,123	1
7	N. Sembilan	45	0	40	0	1,122	2	415	1
8	Melaka	12	0	7	0	388	0	465	0
9	Johor	90	0	95	0	1,965	1	1,396	1
10	Pahang	22	0	20	0	536	1	331	1
11	Terengganu	7	0	9	0	153	0	31	0
12	Kelantan	25	0	38	0	576	2	146	0
13	Sarawak	11	0	13	0	419	1	274	0
14	Sabah	188	0	191	0	3,453	3	1,128	3
15	WP Labuan	0	0	0	0	17	0	4	0
	MALAYSIA	1,247	0	1,373	0	37,950	22	18,219	10




Selangor




WPKL & Putrajaya




Johor




Sabah




Kelantan




Perak




Pulau Pinang




Kedah




Negeri Sembilan




Melaka




Pahang




Sarawak



Terengganu



Perlis



Labuan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 35/2022
(28 Ogos hingga 3 September 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJS 6 Flat Desa Mentari 2 (Blok 4 , 5 , 6)	77	179
2	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 13 (Pangsapuri Brunfield Riverview)	42	108
3	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Taman Ampang Mewah	22	87
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/38-3/56 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	30	84
5	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seri Cempaka Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	19	76
6	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Teratai TBR BB	22	75
7	SELANGOR	Petaling	E12. Tm PJS 2D Flat Desa Mentari (Blok 11)	29	74
8	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Asa Jaya	16	68
9	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 2	22	68
10	WPKL&P	Titiwangsa	Desa Tunku Mariam	46	67
11	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 29	12	64
12	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	11	61
13	WPKL&P	Titiwangsa	Kem Wardieburn (Blok G)	27	60
14	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 23 - 32 Taman Jasmin	19	60
15	SABAH	Tawau	JK02 Tmn. Semarak Loji	10	59
16	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Kenangan	26	58
17	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 08	12	58
18	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 30	10	56
19	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Surada	19	53
20	WPKL&P	Lembah Pantai	Desa Villa Condo Fasa 2 (Blok 24, 26)	8	52
21	WPKL&P	Lembah Pantai	PPR Pinggiran 1 (Blok A,B,C,D,E,F)	11	52
22	WPKL&P	Cheras	Taman Jaya B (Jln 5,6,7,8 & Lrg 5,6,7,8,9)	15	50

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
23	WPKL&P	Cheras	Taman Bukit Cheras B (Jln 1, 4 -11/144A)	10	48
24	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 16 (Pangsapuri Anggerik Indah)	9	48
25	SABAH	Putatan	Tmn. Pasir Putih PH: 3B	15	47
26	WPKL&P	Lembah Pantai	Taman OUG H (Jln Hujan Bukit,Jln Hujan Emas 8 - 9,Jln Hujan Gerimis 1 - 2)	9	45
27	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Kinrara 4 (Jln BK 4/1, Sebahagian 4/2 - 4/4)	10	45
28	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Bkt Serdang 8	12	45
29	WPKL&P	Kepong	Taman Bukit Maluri (Jalan Bukit Maluri 1 - 7)	8	44
30	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 1 Rumah Pangsa Sri Aman	5	44
31	SELANGOR	Klang	Taman Berkeley 03	6	44
32	SELANGOR	Klang	Kampung Sungai Udang 01	11	44
33	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kesuma 8/1A - 8/1H Bandar Tasik Kesuma	6	44
34	SABAH	Sandakan	Tinusa Dua (Darat)	23	43
35	SELANGOR	Klang	Seksyen 32 (Apartment Rimau Perdana)	7	41
36	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Taman Dato Ahmad Razali	9	41
37	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Inang Taman Impian Ehsan	7	41
38	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Seri Medan	18	40
39	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TKC 3/1-8 Taman Kota Cheras	8	40
40	SABAH	Papar	Tmn Limauan	29	39
41	SELANGOR	Hulu Langat	Blok A & B Residensi Zamrud Kajang 2	5	38
42	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TKP 10-20 Taman Kantan Permai	8	38
43	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 2 (1) [Jln SS 2/1-2/4, 2/4A,4B, 2/5-2/23, 2/25, 2/25A]	4	37
44	SELANGOR	Petaling	E15. Tmn Puchong Utama (Jln PU 10)	12	37
45	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Bukit Kajang	12	35
46	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 13/1	8	35

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
47	WPKL&P	Titiwangsa	Taman Wangsa Melawati (Jln Wangsa Murni)	11	34
48	SABAH	Kota Kinabalu	Kg.Warisan PH 1	9	34
49	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Puncak Jalil 9a (Jln PUJ 9/1 - 9/6)	7	33
50	SABAH	Kota Kinabalu	Kg.Delima Melayu	7	33
51	SABAH	Kota Kinabalu	Quarters IPK Kepayan	33	33
52	SABAH	Sandakan	Kampung Tinusa II (Laut)	14	32
53	SABAH	Sandakan	Taman Indah/ Indah Jaya Fasa 1	12	31
54	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Intan Lembah Jaya Selatan	5	31

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 35/2022
(DARI 28 OGOS HINGGA 3 SEPTEMBER 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 35/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 35/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 35/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 35/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	3	3
2	Kedah	1	0	33	122	140
3	P. Pinang	2	2	12	48	77
4	Perak	0	1	10	178	180
5	Selangor	5	11	185	157	339
6	WP KL & Putrajaya	0	13	246	295	490
7	N. Sembilan	0	0	73	4	22
8	Melaka	0	0	6	27	29
9	Johor	0	1	4	95	97
10	Pahang	0	0	2	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	0	27	25	55
13	Sarawak	0	0	1	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	8	28	599	954	1,432